TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN KAMPUNG ANGKAT MADANI KPWKM TAHUN 2026

LOKASI | TARIKH | MASA
KAMPUNG RAMPANGI FASA 2, KUCHING, SARAWAK
8 NOVEMBER 2026 (AHAD) | 9.00 PAGI

Kemas kini pada 7 November 2026



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Salam Sarawak Maju Makmur

Terima kasih kepada pengacara majlis

[SALUTASI]

PENDAHULUAN DAN PENGHARGAAN

1. *Alhamdullilah*, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam **Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Tahun 2026**.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk

Abang Haji Openg, serta Kerajaan Negeri Sarawak, atas kesudian menerima dan menyokong pelaksanaan inisiatif ini di Bumi Kenyalang. **Segulai Sejalai - Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berpisah tiada.**

4. Syabas dan tahniah kepada penduduk **Kampung Rampangi Fasa 2, Kuching, Sarawak** kerana terpilih sebagai Kampung Angkat MADANI di bawah inisiatif KPWKM. Terima kasih kitak semua atas **penerimaan, kerjasama dan sokongan** yang diberikan sepanjang pelaksanaan projek ini.

KAMPUNG ANGKAT MADANI

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. **Program Kampung Angkat MADANI KPWKM** memberi fokus terhadap usaha **meningkatkan kemudahan infrastruktur yang memenuhi keperluan komuniti setempat**. Usaha ini bukan sahaja bertujuan menambah baik kemudahan fizikal, malah memperkukuh pembangunan sosial, mempertingkatkan kualiti hidup serta merancakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kemasyarakatan di Kampung Rampangi Fasa 2.

6. **Semangat kebersamaan serta penglibatan aktif** semua pihak telah menyumbang kepada kelancaran pelaksanaan **Kerja-Kerja Membaik Pulih Surau Darul Ikhtiar** serta kerja-kerja berkaitan yang melibatkan kos keseluruhan berjumlah **RM499,377.00** (Empat Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Tiga Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ringgit).

7. Apa yang lebih membanggakan, projek yang pada asalnya dijadualkan mengambil masa **18 minggu** telah berjaya **disiapkan tiga minggu lebih awal!** Tahniah diucapkan kepada Bahagian Pembangunan KPWKM serta pihak kontraktor!

8. Kecekapan ini diperkukuh melalui **sinergi strategik bersama Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Sarawak menerusi Program Institut Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).** Skop kerja yang dilaksanakan oleh **ABM Wilayah Sarawak** adalah kerja-kerja membina lantai baharu dengan kos berjumlah **RM90,000.00.**

9. *Alhamdulillah*, **Surau Darul Ikhtiar** akan terus berfungsi sebagai **rumah ibadah**, dengan ruang tambahan untuk kegunaan **aktiviti komuniti**. Saya berharap Surau Darul Ikhtiar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk Kampung Rampangi Fasa 2 dan komuniti setempat.

PENGISIAN INTERAKTIF SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN

Hadirin yang dikasihi sekalian,

10. Sempena Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI pada hari ini, KPWKM tidak hadir dengan tangan kosong. Kami membawa pelbagai **pengisian interaktif** daripada beberapa jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan serta Negeri.

11. Pada hari ini sebanyak **tiga sesi perkongsian ilmu** akan disampaikan oleh **Yayasan Kebajikan Negara**, **Lembaga**

Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara serta Perkhidmatan Talian KASIH 15999.

12. Selain itu, kami akan mengadakan demonstrasi **Sedia Urus Risiko Isi Rumah (atau SURI) oleh Balai Bomba dan Penyelamat Petra Jaya.** Inisiatif SURI ini bertujuan meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi situasi kecemasan terutama risiko kebakaran di kawasan kediaman.

13. Terdapat pelbagai **reruai pameran dan perkhidmatan** yang melibatkan **lapan Jabatan dan Agensi Kerajaan**. Antaranya:

- **Jualan Rahmah Bergerak;**
- **Program saringan Kanser Serviks HPV DNA, pendaftaran ujian mamogram, perkhidmatan kaunseling; dan**
- **sokongan psikososial**, **khidmat nasihat berkaitan urusan kebajikan**, **Kempen Awak OK Tak!?**, **Sahabat KafeTeen**, **Kempen Sokongan Hentikan Keganasan Terhadap Wanita dan Talian KASIH 15999.**

14. Turut diadakan adalah **khidmat nasihat** berkaitan urusan pendaftaran kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil pengangkatan, sijil kewarganegaraan dan sijil perkahwinan

serta perkhidmatan pendaftaran aplikasi MyDigital ID. **Perkhidmatan gunting rambut secara percuma pun ada.**

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

- **Kementerian Kewangan;**
- **Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM);**

- **Kerajaan Sarawak;**
- **Bahagian Pembangunan KPWKM; dan**
- **Pihak kontraktor iaitu Ragam Muhibbah Sdn. Bhd.**

16. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI KPWKM Tahun 2026**.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.